

Model Pemikiran 13 Qua

Qutubuddin Buzurgoon Hassan^{1*}, Norazlina Abdullah¹

¹Department of Information and Communication Technology, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000
Dungun, Terengganu.

*Corresponding author E-mail: buzurgoon@psmza.edu.my

Abstrak

Konsep pemikiran adalah proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak manusia. Semasa berfikir, otak manusia akan melakukan proses-proses yang tertentu dan bertindak dengan usaha memahami rancangan luar yang diterima melalui deria, membentuk konsep, membuat tafsiran dan analisis serta membuat keputusan dan tindak balas berdasarkan pengalaman yang sedia ada dalam ingatan. Apa yang dilihat sekarang ini manusia sukar untuk berfikir, mengingati dan melahirkan idea-idea yang baru dan bernas lagi diredhai seperti yang dikehendaki oleh Ajaran Islam. Oleh itu melalui dengan adanya Model Pemikiran 13 Qua ini dapat melahirkan manusia yang cerdas, bijak dan selalu menggunakan teknik berfikir yang betul mengikut perspektif islam dalam proses berfikir untuk mendapatkan hasil yang lebih baik dan diredhai mengikut konteks agama Islam. Kaedah kajian yang digunakan adalah dengan melakukan proses analisis dokumen. Hasilnya, penyelidik akan mengenalpasti aspek-aspek kajian berdasarkan gambarajah pemikiran 13 Qua yang dihasilkan. Melalui kaedah teknik berfikir 13 Qua ini, kita dapat memudahkan manusia untuk melakukan proses berfikir dengan cara yang betul dan melalui proses berfikir itu membolehkan manusia membuat keputusan dan tindakan yang tepat dan bermanfaat.

Kata Kunci: pemikiran; pendengaran; penglihatan; akal; hati; nafsu

1.0 PENGENALAN

Proses berfikir adalah satu proses yang boleh dilakukan oleh otak manusia. Secara umumnya, proses berfikir secara kritis pula bermaksud cara berfikir dengan menganalisa hujah dari pelbagai sudut yang seterusnya akan mewujudkan idea serta hujah baru (Noor, 2015). Dalam ajaran Islam, proses berfikir secara kritis bukanlah suatu bentuk pemikiran yang baru atau asing. Ini kerana di dalam ayat-ayat al- Qur'an sejak lebih dari seribu empat ratus tahun yang lalu, telah menerapkan budaya berfikir secara kritis (Hamat, 2012). Al-Quran dan alam merupakan objek kajian ilmu pengetahuan.

Ilmu berfikir cara ini bukan sahaja boleh membantu seseorang untuk menganalisa sesuatu hujah atau membuat sesuatu keputusan, ia juga akan melahirkan insan yang bijak dan pintar, serta berupaya menjadikan manusia itu berhujah dengan berkesan sekali. Konsep berfikir ini amat sesuai untuk digunapakai oleh guru atau pensyarah di sekolah atau institusi pengajian untuk diterapkan kepada para pelajar agar dapat melahirkan insan yang pintar dan bijak.

Artikel ini akan menghuraikan tiga belas aspek/elemen dalam proses berfikir untuk seseorang itu mencapai kebahagiaan hakiki di dalam kehidupannya. Kesemua aspek adalah menurut perspektif al-Qur'an. Ia mengetengahkan suatu sintesis melibatkan 13 aspek/elemen daripada elemen pancaindera, sehingga kepada aspek rohani dan jiwa.

Fungsi akal adalah memerhati segala kejadian alam, berfikir tentang sunah alam dan segala peraturan Tuhan yang tidak pernah berubah, menyiasat asal usul segala sesuatu, mengkaji hubungan sebab akibat sesuatu kejadian, mendengar dan menilai segala yang didengar dengan baik, dan mempelajari segala ilmu berkaitan alam ini termasuk manusia, masyarakat, tamadun, dunia dan sebagainya (Al-Hadi, 2017).

Objektif bagi kajian ini adalah untuk menjelaskan tentang aspek yang terlibat dalam proses pemikiran daripada aspek pancaindera sehingga aspek rohani, langkah-langkah dari mula hingga akhir sehingga satu keputusan terbaik diperolehi. Kesemua proses ini akan ditunjukkan melalui gambarajah model pemikiran Qua 13.

2.0 METODOLOGI


2.1 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen yang digunakan dalam melakukan proses berfikir mengikut model pemikiran Qua. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen, dengan rujukan pada kajian-kajian sebelum ini. Sebagai bantuan pada pengkaji, beberapa laporan kajian yang lepas, artikel dan jurnal telah dirujuk. Kaedah ini digunakan kerana ia membolehkan pencarian maklumat dan data secara lebih sistematik (Bowen, 2009; Kutsyuruba, 2017).

2.2 Hasil Analisis

2.2.1 Al-Khowas (Pancaindera)

Proses berfikir berasaskan Model Pemikiran Qua ini sebenarnya akan melalui fasa-fasa tertentu di mana ia akan bermula di tahap pancaindera (Al Khowas). Ia terdiri daripada lima deria, iaitu pendengaran, penglihatan, sentuhan, ciuman dan rasa. Kesemua data yang diperolehi daripada kelima-lima deria ini akan melalui lima fasa dalam menganalisa keputusan bermula daripada suatu tempat di dalam otak manusia yang dipanggil 'Hisul Mustarak'. Tempat ini adalah tempat pengumpulan data yang berada di dalam otak manusia. Seterusnya data yang telah dikumpul tadi akan melalui proses mengikut fasa-fasa imaginasi, buat analisa, buat keputusan dan memori. Sekiranya keputusan yang terhasil itu adalah positif, maka ia akan menjadi pedoman. Jika sebaliknya, ia akan dijadikan sempadan. Ini ditunjukkan melalui Rajah 2.1.



Rajah 2.1 Al Khawas (Pancaindera)

Rajah 2.1 menunjukkan sepuluh proses pada pancaindera, iaitu pendengaran (telinga), penglihatan (mata), sentuhan (kulit), ciuman (hidung) dan rasa (lidah). Data yang terkumpul dianalisa untuk membolehkannya mencapai satu keputusan yang terbaik. Pengumpulan data yang banyak bagi setiap deria akan mempengaruhi keputusan atau hujah terakhir. Lebih banyak data yang dikumpul maka lebih baik keputusannya. Kesepuluh aspek ini berlaku di dalam otak, dan inilah yang dinamakan proses berfikir.

2.2.1.1 Pendengaran

Dalam al-Quran, deria pendengaran disebut *Al-sam'u*. Ia adalah suatu potensi dan kekuatan yang diberikan Tuhan kepada manusia. Penggunaan kata *Al-sam'u* dalam al-Quran selalu dikaitkan dengan suara, perkataan, atau ungkapan. Selain dikaitkan dengan telinga, istilah *Al-sam'u* dalam al-Quran juga sering terkait dengan pemikiran, penalaran, dan pemahaman, bahkan perilaku. Memahami kebesaran Allah melalui apa yang didengar tentu tidak hanya terhad pada pendengaran telinga sahaja (Kadar M. Yusuf, 2013). Ketika pendengaran melahirkan pemahaman, maka itu bererti telah terjadi proses berfikir sebelum pemahaman tersebut.

2.2.1.2 Penglihatan

Istilah yang digunakan al-Quran untuk menggambarkan indera penglihatan adalah *albasr*, *ra'a*, dan *al-nazr*. Ia adalah berkaitan penglihatan mata dan berfikir. Fungsi penglihatan ini dilaksanakan oleh mata. Ertinya, melihat merupakan suatu kekuatan yang berpusat di mata. Mata menjalankan fungsinya mencerpap suatu gambar, sehingga seseorang mendapatkan informasi melalui hal yang dicerpap oleh indera penglihatan ini mengenai keadaan atau sifat sesuatu (Kadar M. Yusuf, 2013).

2.2.1.3 Sentuhan

Pembicaraan al-Quran mengenai indera sentuhan menggunakan istilah *al-mass* dan *allams* (Kadar M. Yusuf, 2013). Kedua-dua kata tersebut, secara harfiah, bererti menyentuh dengan kulit, mencampuri dan menimpa. Kulit sebagai alat indera tidak hanya dapat mencerap dan menangkap informasi, bahkan ia juga mampu memberi respon terhadap suatu rangsangan yang diberikan kepadanya. Ayat-ayat al-Quran jika dibaca dan dihayati bacaannya itu dapat memberikan rangsangan kepada kulit. Kulit pun dapat memberi respon terhadap bacaan itu, sehingga ia gementar kerana takut kepada Allah. Respons kulit terhadap lantunan al-Quran tidak hanya sampai pada gementarnya sahaja, tetapi dapat pula membuatnya tenang bersama hati untuk berzikir kepada Allah.

2.2.1.4 Ciuman

Istilah yang berkaitan dengan ciuman atau hidu itu adalah bau, orang yang menghidu akan mendapatkan informasi tentang bau. Istilah yang digunakan berkaitan dengan bau itu adalah *rīh* dan *raihān*. Ayat 94 surah 12 yang menggunakan kata *rīh* dalam erti bau itu adalah: “*Tatkala kafilah itu telah ke luar (dari negeri Mesir) berkata ayah mereka: «Sesungguhnya aku menghidu bau Yusuf, sekiranya kamu tidak menuduhku lemah akal (tentu kamu membenarkan aku)»*”. Ayat ini menceritakan tentang kisah Nabi Ya`qub, yang sudah lama kehilangan anaknya Nabi Yusuf. Pada suatu waktu, ketika kafilah yang terdiri dari anak-anak Nabi Ya`qub keluar dari Mesir membawa baju Nabi Yusuf menuju kampungnya tercium oleh Ya`qub bau Nabi Yusuf. Maka dia berkata; *Sesungguhnya Aku menghidu bau Yusuf* (Kadar M. Yusuf, 2013).

2.2.1.5 Rasa


Istilah yang digunakan al-Quran dalam perbincangannya mengenai indera rasa adalah *dhūq*. Indera rasa itu berpusat di lidah, seperti yang tergambar dalam ayat yang menceritakan kisah Adam dan Hawa memakan buah terlarang. Al-Quran (*al-A`raf* ayat 22) bermaksud: “*Tatkala keduanya telah merasakan buah kayu itu, nampaklah bagi keduanya aurat-auratnya dan mulailah mereka berdua menutupinya dengan daun-daun syurga*”. Selain daripada *al-dhūq*, perbincangan al-Quran mengenai indera rasa juga menggunakan istilah *al-ta`ām*. Secara harfiah, *al-ta`ām* bererti *akala* (makan) atau *adhāqa* (merasakan). Maka dengan demikian *ta`āma* sebagai kata kerja dapat diterjemahkan kepada “*merasakan makanan*”. Oleh itu dapat dikatakan, bahawa rasa, dengan istilah *al-ta`ām*, sebagai indera yang berpusat di mulut atau lidah. Sebab, makan itu suatu perbuatan dan rasa yang dilakukan oleh mulut atau lidah (Kadar M. Yusuf, 2013).

2.2.2 Al Lathoif (Rohani/roh/jiwa)

Apabila selesai proses menganalisa sesuatu perkara menggunakan pancaindera (Al-Khowas), proses seterusnya beralih pula kepada suatu tahap atau keadaan yang dipanggil ‘tenaga halus/daya kuasa’ (Al Lathoif) seperti pada Rajah 2.2. Tahap ini adalah apa yang dikatakan rohani, nyawa, jiwa dan roh. Tahap ini adalah sesuatu tenaga di dalam badan manusia yang tidak boleh dilihat dengan pancaindera (Elmi Bin Baharuddin, 2015). Tenaga roh ini adalah sesuatu yang penting yang akan memberi kesan kepada tahap pemikiran manusia, yang akan menjadi salah satu faktor kualiti bagi manusia (Alyona, Tursun, Akmaral, & Saira, 2016).

Di dalam Al Lathoif, terdapat tiga (3) aspek, iaitu akal (Al Akli), hati (Al-Kholbu) dan nafsu (Al Nafsu). Ketiga-tiga aspek ini akan menjadi penentu dan titik tolak kepada keputusan akhir yang akan dibuat dan akan menentukan seterusnya kebahagiaan atau kecelakaan yang akan dimiliki seterusnya. Sesuatu hujah atau perkara itu, jika dimulai dengan akal, seterusnya kalbu (hati) kemudian barulah dilaksanakan oleh nafsu (gerak kerja yang terdorong oleh hati setelah diarahkan oleh akal) akan menghasilkan satu kebahagiaan yang hakiki kepada seseorang itu.

Oleh itu sesiapa yang ingin merasai keputusan yang bahagia adalah beliau harus menganalisa sesuatu perkara pertama sekali oleh akal setelah menggunakan pancaindera dan proses analisa seperti yang ditunjuk pada Rajah 2.1. Apabila manusia menggunakan cara ini, perlakuan itu akan diredhai oleh Allah kerana setiap tindak tanduk manusia walaupun tidak sempurna tetapi itu adalah tindakan terbaik pada waktu itu. Namun, tidak semestinya ia akan membawa faedah yang begitu tepat kerana yang berkuasa hanyalah Allah. Kita hanya merancang, Allah yang menentukannya. Sebaliknya, jika sesuatu perkara itu di mulai dengan nafsu, kemudian barulah hati dan seterusnya akal, maka tindakan itu adalah satu kecelakaan, bencana, kecelaruan dan kebinasaan.




Rajah 2.2 Al Lathoif (Tenaga Halus/Daya Kuasa)

2.3 Kaitan Akal, Hati dan Nafsu

Kaitan akal, hati dan nafsu boleh ditunjukkan oleh analogi konsep pemerintahan sesuatu negara. Akal itu boleh dianggap sebagai Perdana Menteri. Hati pula boleh dianggap sebagai Raja. Nafsu pula adalah bala tentera. Contohnya, tugas Perdana Menteri (akal) adalah membuat analisa, namun, sesuatu keputusan hanya boleh dibuat oleh Raja (hati). Dengan kata lain, hati adalah suatu perkara yang sangat berkuasa. Akal adalah untuk menganalisa, hati adalah berkuasa untuk menentukan sesuatu dan seterusnya barulah kita akan bertindak (nafsu) mengikut kehendak hati dan akal. Manusia mempunyai sekeping hati di mana jika putih hatinya maka dia akan melakukan tindakan yang mulia, namun, jika hitam hatinya maka, tindakan yang dilakukannya adalah membawa kepada perkara negatif.

Orang yang mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi akan mempunyai tahap kesedaran tentang ciptaan mereka sendiri yang tinggi dan memiliki kebolehan yang tinggi untuk memahami dan menimba ilmu tentang jiwa dan memperolehi pengetahuan tentang Tuhan dan sifat-sifatNya (Hanefar, Siraj, & Sa'ari, 2015).

Al Khowas (Pancaindera) dan Al Lathoif (Tenaga Halus/Daya Kuasa/Rohani) apabila digabungkan akan menghasilkan satu Model Pemikiran Qua. Ia adalah satu proses berfikir yang lengkap, yang menggunakan sepenuhnya aspek pemikiran dari deria sehingga jiwa dan rohani. Apabila Model Pemikiran Qua ini dilaksanakan maka keputusan yang terhasil adalah keputusan yang baik, keputusan yang akan membawa kepada kebahagiaan hakiki. Model Pemikiran Qua ditunjukkan dalam Rajah 2.3.



Rajah 2.3 Keseluruhan Model Pemikiran 13 Qua

3.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, proses berfikir berasaskan Model Pemikiran 13 Qua ini adalah amat sesuai untuk dilaksanakan dan dipraktikkan dalam kehidupan secara keseluruhannya. Konsep ini adalah sesuai untuk semua golongan insan kerana proses berfikir menggunakan Model Pemikiran 13 Qua ini akan membawa kepada hati yang suci. Sesuatu tindakan yang dilakukan jika dimulakan dengan akal (membuat analisa dan pengumpulan data yang banyak) dapat melahirkan manusia yang mempunyai kecerdikan dan keredhaan Allah, mempunyai hati yang suci.

Pada zaman kini, manusia yang berhati suci dan berakhlak mulia sudah mula berkurangan. Seperti yang diterangkan dalam Al-Quran, proses pemikiran yang menggunakan Model Pemikiran Qua ini, perlu digunakan untuk jadi bijak, pintar, dan juga dapat menjadikan seseorang itu insan yang terbaik, berhati suci dan mulia. Malah lebih penting lagi, konsep ini menjadi kaedah yang ditekankan al-Quran untuk mencari kebenaran, yang membawa kepada kefahaman hakikat kewujudan, kekuasaan dan kebesaran Allah SWT serta keimanan kepada-Nya. Al-Qur'an adalah kitab mukjizat yang menjadi panduan buat umat manusia dalam segala hal, berkaitan ketuhanan, agama, kehidupan, akhlak, pemikiran atau apa sahaja. Tidak hairan jika ia memberikan bimbingan dan tunjuk ajar bagaimana manusia patut berfikir dengan sebaiknya.

Proses berfikir penting kepada kita, kerana ia membantu kita mengenal pasti arah dan hala tuju berfikir dan dalam masa yang sama memandu kita agar berfikir apa yang sepatutnya difikirkan. Menerusinya, kita akan lebih mahir dalam menilai sesuatu. Kita tidak menerima bulat-bulat sesuatu perkara, walaupun ia datangnya dari sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Ini adalah kerana kesilapan logik boleh berlaku pada bila-bila masa, mana-mana bahagian yang kita tidak jangka (Noor, 2015).

4.0 RUJUKAN

- Al-Hadi, S. S. (2017). Uagama Islam dan Akal. In W. U. bin W. Subki (Ed.) (Cetakan Pe, pp. 1–26). Hulu Langat, Selangor.: MALAHA PRESS.
- Alyona, B., Tursun, G., Akmaral, M., & Saira, S. (2016). Spiritual Understanding of Human Rights in Muslim Culture (The Problem of “Ruh” – “Spirit”). *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 217, 712–718. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.02.131>
- Bowen, G. A. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Elmi Bin Baharuddin, Z. B. I. (2015). 7 Domains of Spiritual Intelligence from Islamic Perspective. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 211(September), 568–577. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.075>

- Hamat, Z. K. & M. F. (2012). Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Al- Qur'an, *13*, 51–96.
- Hanefar, S. B., Siraj, S., & Sa'ari, C. Z. (2015). The Application of Content Analysis toward the Development of Spiritual Intelligence Model for Human Excellence (SIMHE). *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *172*, 603–610. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.409>
- Kadar M. Yusuf. (2013). Indera Manusia Menurut Al-Quran Dan Psikologi Konvensional: Suatu Kajian Perbandingan. *Jurnal Hadhari*, *6*(2), 55–69.
- Kutsyuruba, B. (2017). Using Document Analysis Methodology to Explore Educational Reforms and Policy Changes in Post-Soviet Ukraine. *Silova et Al. (Eds.), Reimagining Utopias*, 199–214.
- Noor, M. B. H. M. (2015). Unsur Pemikiran Kritis secara Saintifik dan Inovatif yang terdapat di dalam Al-Quran. *Terengganu International Management and Business Journal*, *V*(2), 31–41.